

UPM, MVP komersial vaksin penyakit ayam

SERDANG, 23 SEPTEMBER – Kerjasama universiti dengan pihak industri harus berjalan serentak terutama ke arah mengkomersialkan produk yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik.

Baru-baru ini Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat Malaysian Vaccine And Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP) bagi mengkomersialkan produk yang dihasilkan oleh Dr. Mohd Hair Bejo dari Fakulti Perubatan Veterinar.

Produk yang dihasilkan oleh Dr. Mohd Hair adalah sejenis vaksin bagi mencegah penyakit Infectious Bursal Disease (IBD) yang menyerang sistem daya tahan ayam hingga menyebabkan kematian.

Menurut Dr. Mohd Hair, penyelidikan lanjut bagi mencari vaksinnya dijalankan sejak 1993. Ujian ke atas ayam di ladang ternakan di Batu Pahat, Banting dan Pantai Remis didapati vaksin ini berkesan dalam mencegah penyakit IBD.

Sementara itu, Naib Canselor Prof. Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie memberitahu kerjasama UPM dengan pihak industri tempatan berjaya mengkomersialkan



Dr. Mohd Zohadie bertukar dokumen MoU dengan Dr. Mazlan dalam satu majlis di Canseluri baru-baru ini.

42 hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dihasilkan universiti ini.

“Langkah ini juga sebahagian daripada usaha UPM membantu kerajaan memajukan sector pertanian negara kerana banyak hasil penyelidikan berasaskan agrobio,” katanya semasa sidang akhbar selepas menandatangani MoU dengan MVP.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif MVP, Dr. Mazlan Muhamad, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Dr Zamri Saad dan Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan, Prof Dr Zulkifli Idrus.

Kata Mohd Zohadie, usaha ini bertepatan dengan peranan UPM sebagai peneraju pendidikan agrobio yang mengoptimumkan penggunaan kepakaran, teknologi dan ilmu pengetahuan.

“Universiti masih mempunyai lebih 200 R&D berpotensi dan usaha giat dilakukan menerusi Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi mengkomersialkannya,” katanya.